

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 SEPTEMBER 2016

Dr. Mahathir peralatkan Anwar

um-9/9/2016
(MKN).

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad hanya berminat untuk memeralatkan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam gerakan untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pengendali portal Malaysia Today, Raja Petra Kamarudin berkata, bekas Perdana Menteri itu pernah mempergunakan Anwar bagi mempertahankan kedudukannya sebagai Presiden UMNO ketika dicabar gandingan bekas timbalannya, Tun Musa Hitam dan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Menurut beliau, Anwar tahu tentang segala perancangan Dr. Mahathir dan mahu melihat bekas Perdana Menteri itu merang-

kek di hadapannya.

“Perkara itu lebih menggembirakan Anwar berbanding pembebasan dari penjara dan riak wajah Anwar pada hari Dr. Mahathir datang ke mahkamah menjelaskan segala-galanya.

“Senyuman sinis pada wajah Anwar kelihatan seperti senyuman seekor kucing yang baru menelan seekor burung kenari,” katanya melalui portal tersebut (<http://www.malaysia-today.net>), hari ini.

Pada Isnin lalu, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berikutan bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh tersebut membuat permohonan injuksi sementara terhadap pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara

Dr. Mahathir bagaimanapun, menafikan pertemuannya dengan Anwar itu tanda berdamai selepas 18 tahun beliau memecat bekas timbalannya itu.

Raja Petra turut menyifatkan tindakan Dr. Mahathir cuba meminta pertolongan individu-individu yang pernah beliau khianati sebagai sesuatu yang ironi.

“Mereka tidak pernah memaafkan beliau dan hairan apabila Dr. Mahathir kini cuba mendapatkan bantuan mereka,” jelasnya.

Menurut beliau, Dr. Mahathir memang naif jika menyangka musuh-musuhnya boleh memaafkannya semata-mata kerana mereka mempunyai matlamat yang sama.